

# Perdagangan berat sebelah boleh jejas hubungan: PM

KUALA LUMPUR, Selasa — Usaha-usaha memperkukuhkan hubungan antara Malaysia dan Britain mungkin sukar dicapai jika imbalan dagangan yang kini menguntungkan negara itu tidak diatasi segera, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau kesal bahagian Malaysia dalam pasaran Britain terus tidak berubah sejak beberapa tahun lalu.

**Mcnurutnya, Britain** adalah rakan perniagaan yang **keenam** terbesar dengan hanya kira-kira tiga peratus daripada jumlah dagangan Malaysia berbanding lapan peratus 10 tahun lalu.

Malaysia **juga** terus menjadi kurang penting sebagai rakan perniagaan Britain dengan hanya 0.5 peratus jumlah dagangan negara itu berbanding lima peratus satu dekad lalu.

"Saya sangat bimbang dengan keadaan ini, terutama memaadangkan imbalan dagangan dengan Britain tidak pernah mepyebelahi Malaysia," katanya ketika berucap merasmikan penubuhan Persatuan Malaysia-Britain di sini, malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu tidak harus dibenarkan berterusan kerana ia akan hanya menyukarkan usaha-usaha untuk menyatu dan memperkukuhkan hubungan kedua negara.

## Berharpp

"Lebih cepat kita mencari penyelesaian kepada masalah imbalan dagangan ini, lebih cepat kita dapat menumpukan perhatian kepada lain-lain bidang kerjasama," ujarnya. Beliau berharap kedua-dua persatuan itu akan menimbangkan isu penting itu dalam mesyuarat-mesyuarat-

nya yang akan datang.

Perdana Menteri juga mengalu-alukan minat yang ditunjukkan oleh Britain terhadap negara ini dengan bertambahnya lawatan oleh para pemimpin dan tokoh-tokoh negara itu sejak setahun lalu.

Antaranya termasuk Pengerusi Lembaga Dagangan Britain, Lord Jellicoe, Duke of Edinburgh, Menteri Negara Hal-Ehwal Luar dan Komanwel, Encik Richardson, Menteri Perdagangan dan Penerangan Teknologi, Encik Kenneth Baker, Menteri Alam Sekitar, Lord Bellwin dan bekas Perdana Menteri, Encik Edward Heath.

## Faedah

Malangnya, kata beliau, Perdana Menteri, Puan Margaret Thatcher tidak dapat hadir kerana keadaan tertentu yang memerlukan kehadirannya di Britain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hubungan dan perbincangan antara para pemimpin kedua negara akan mencerahkan kerjasama dua hala dan hubungan bagi masa ini dan akan datang.

Menurutnya, Malaysia mendapat banyak faedah daripada bantuan kerajaan Britain, khususnya dalam bidang teknologi dan kerjasama perindustrian.

"Kami menghargai langkah yang diambil untuk mengatasi kesulitan pelajar-pelajar kami di United Kingdom dan kami mengalu-alukan langkah kerajaan Britain dan institusi swastanya, menyediakan biasiswa dan hadiah dalam pelbagai bidang di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan," ujarnya.

Beliau juga menghargai kerjasama dan hubungan baik antara universiti dan maktab kedua-dua negara dan menurutnya, hubungan seumpama itu akan lebih diperlukan di masa depan apabila Malaysia menjalankan kursus tahun pertama dan kedua serta latihan pra-universiti dalam negeri.

"Universiti-universiti gabungan seberang laut boleh menyediakan guru-guru dan mengiktiraf kursus-kursus ini," tambahnya.

Mengenai penubuhan persatuan itu, Perdana Menteri berkata, ia membayangkan perhatian berat masyarakat Malaysia dan Britain, khususnya kalangan perniagaan, untuk menggalakkan hubungan erat dan harmoni antara kedua negara.

Oleh itu, beliau mengucapkan tahniah kepada sektor swasta kerana usaha menubuhkan persatuan itu serta menyokong penuh matlamat-matlamatnya.